

11/05/2003

Malaysia gesa elak perang di Aceh

JOHOR BAHRU: Malaysia semalam menggesa kerajaan Republik Indonesia dan pejuang pemisah, Gerakan Aceh Merdeka (GAM) mengutamakan keamanan dan kestabilan serantau seterusnya mengelakkan peperangan di wilayah Aceh.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia mahu melihat

Indonesia dan semua wilayahnya bersatu kerana republik itu begitu penting

bagi mengukuhkan kestabilan dan kekuatan ekonomi di rantau Asean dalam menangani secara bersama kemelesetan ekonomi dunia.

Beliau berkata, semua pihak yang terbabit dalam pertelingkahan itu seharusnya lebih banyak mengadakan perbincangan dan dialog bagi mengendurkan keadaan yang semakin tegang di wilayah Aceh selain menyelamatkan perjanjian gencatan senjata oleh kedua-dua pihak sejak lima

bulan lalu.

"Kedua-dua pihak terbabit seharusnya menyelesaikan masalah di meja perundingan dan terus berusaha mencari formula kedamaian yang dipersetujui

bersama. Pergolakan politik di Indonesia juga akan menjejaskan pertumbuhan

ekonomi negara jiran terutama ketika dunia turut menghadapi kemelesetan ekonomi.

"Bagaimanapun, kita menghormati kedaulatan, integriti Indonesia dan wilayahnya, dan tidak mahu melihat mereka mengancam antara satu sama lain.

Kita berharap krisis ini boleh diselesaikan menerusi perbincangan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama dan merasmikan majlis penutup Kursus Pemantapan Penceramah anjuran bersama Biro Penerangan Badan Perhubungan Umno Negeri dan Kerajaan Johor.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai GAM yang mengisytiharkan wilayah Aceh berada di ambang peperangan selepas pejuang

pemisah itu dan kerajaan Indonesia saling tuduh menuduh mencabuli perjanjian gencatan senjata.

Mengenai kunjungan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder, ke negara ini, Syed Hamid berkata, ia satu penghormatan kepada kejayaan Malaysia mentadbir negara dalam keadaan aman, dan peranannya sebagai negara Islam bagi menyuarakan pandangan yang relevan terhadap pelbagai isu antarabangsa.

Katanya, lawatan Schroeder ke negara ini juga dianggap bersejarah berikutan perhubungan politik, diplomatik, perdagangan dan ekonomi antara

kerajaan Malaysia dan Jerman begitu rapat.

Beliau berkata, lawatan rasmi Canselor itu selama tiga hari bermula hari

ini hingga Selasa, juga membolehkan ketua kerajaan Jerman itu menggalakkan

lebih ramai pelancong dari negara itu melawat negara ini dan membuktikan

negara ini bebas daripada penyakit Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Katanya, kerajaan juga menganggap lawatan itu penting kerana ia akan memantap serta mengukuhkan lagi hubungan dua hala dalam bidang ekonomi dan

diplomatik antara Malaysia dan Jerman.

"Kedatangan Canselor Jerman ini juga bertepatan dengan masa selepas kita

berjaya menjadi pengerusi Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan bakal menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) Oktober ini.

"Selain itu, Malaysia menjadi satu-satunya negara membangun yang berjaya

selepas penjajahan dan mempunyai hala tuju dan arah tersendiri yang membawa kejayaan kepada rakyatnya," katanya sambil menambah Schroeder akan

bertemu dan berbincang secara terus dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup rasmi Kursus Pemantapan Penceramah anjuran bersama Biro Penerangan Badan Perhubungan Umno Negeri dan Kerajaan Johor di sini, semalam.